

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian perdagangan untuk tahun terkini berbanding tahun-tahun yang lalu dan usaha-usaha yang telah diambil untuk memperbaiki kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa dan cabaran yang dihadapi.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**Prestasi Perdagangan Januari-September 2020**

1. Jumlah perdagangan Malaysia bagi tempoh Januari hingga September 2020 mencatatkan pengurangan sebanyak 5.2 peratus kepada RM1.294 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport menyusut 3.7 peratus kepada RM709.56 bilion dan import berkurang 6.9 peratus kepada RM584.62 bilion. Lebihan dagangan pula mencatatkan RM124.94 bilion iaitu peningkatan sebanyak 14.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2019.

**Prestasi Perdagangan 2015-2019**

2. Dalam tempoh lima tahun terkini (2015-2019), jumlah perdagangan negara telah mencatatkan peningkatan purata tahunan secara keseluruhannya sebanyak 6 peratus, kepada RM1.844 trilion pada tahun 2019 berbanding RM1.463 trilion pada tahun 2015.

3. Jumlah eksport bagi tempoh yang sama mencatat pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.4 peratus kepada RM995.07 bilion pada tahun 2019 berbanding RM777.36 bilion pada tahun 2015. Antara sektor utama yang menyumbang kepada kenaikan eksport ini adalah barangan elektrik dan elektronik; kimia dan bahan kimia; keluaran petroleum; barangan optik dan saintifik; dan barangan besi dan keluli.

4. Dalam tempoh yang sama, jumlah import pula mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 5.5 peratus dengan nilai RM849.41 bilion pada tahun 2019 berbanding RM685.78 bilion pada tahun 2015. Import barangan pengantara (*intermediate goods*) merekodkan peningkatan tertinggi diikuti barangan penggunaan dan barangan modal.

5. Lebihan dagangan merekodkan peningkatan purata tahunan sebanyak 12.5 peratus di mana pada tahun 2019 lebihan dagangan mencatatkan nilai RM145.66 bilion berbanding pada tahun 2015 dengan nilai RM91.58 bilion.

**Sebab-sebab Penurunan Prestasi Perdagangan Januari-September 2020**

6. Penurunan eksport dan import ini adalah dijangka berikutan sekatan operasi yang dikenakan kepada kebanyakan sektor utama semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penyusutan juga berlaku di kebanyakan negara di seluruh dunia yang berada dalam keadaan sekatan pergerakan (*lockdown*) bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Ini telah mengakibatkan gangguan serius terhadap aktiviti pembuatan serta rangkaian bekalan di peringkat global.

7. Penurunan eksport berlaku dalam hampir semua sektor utama khususnya gas asli cecair (LNG); kimia dan bahan kimia; barangan perkilangan logam; petroleum mentah; dan keluaran petroleum.

8. Walau bagaimanapun, terdapat peluang-peluang perniagaan bagi sektor-sektor tertentu, contohnya sektor keluaran getah. Eksport sarung tangan getah negara melonjak sebanyak 69.8 peratus bagi tempoh tersebut disokong oleh permintaan tinggi di pasaran global berikutan pandemik COVID-19. Selain itu, peningkatan eksport turut dilihat bagi produk peralatan perubatan seperti alat diagnostik elektro (*electro-diagnostic apparatus*), pembasmi kuman (*disinfectants*) dan pelitup muka pembedahan (*surgical mask*).

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Langkah-Langkah Bagi Meningkatkan Eksport Malaysia**

9. Bagi memperkukuh dan meningkatkan jumlah eksport negara, MITI melalui MATRADE telah mengambil pelbagai langkah:

- i. **Yang pertamanya, membantu syarikat menjalankan promosi eksport dengan memperkukuhkan Geran Pembangunan Pasaran (*Market Development Grant - MDG*).**

- ii. Pelbagai risikan pasaran yang boleh diakses secara atas talian menerusi perkhidmatan MyExport disediakan untuk pengeksport.**
- iii. MATRADE telah menyebarkan 2,514 *trade leads* iaitu pertanyaan perdagangan yang diterima daripada syarikat asing yang berminat untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan dari Malaysia melalui perkhidmatan *MyExport*.**
- iv. MATRADE turut melaksanakan padanan perniagaan antara pengimport luar negara dan pengeksport Malaysia melalui program eBizMatch yang dijalankan menerusi platform digital.**
- v. Selaras dengan peningkatan aktiviti e-Dagang, MATRADE turut menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menggunakan platform digital bagi tujuan eksport melalui program *eTRADE*.**
- vi. Pemerksaan pengeksport juga turut dipergiatkan menerusi aktiviti latihan pengeksport dengan menggunakan kaedah webinar di mana sebanyak 138 webinar telah dianjurkan dari 1 Januari sehingga 31 Oktober 2020.**

10. MITI dan MATRADE akan terus berusaha untuk meningkatkan prestasi eksport negara bukan sahaja untuk memperbaiki kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa, tetapi yang lebih penting lagi bagi membantu negara untuk pulih daripada impak negatif wabak COVID-19 yang telah menjejaskan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.